



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 592 / (1)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

01 Ogos 2023

14 Muharam 1445H

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk Seri/Datuk//Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERIAN SUBSIDI/INSENTIF LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) merupakan badan profesional yang antara fungsinya adalah untuk menggalakkan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) meningkatkan keupayaan dan produktiviti JTB selaras dengan perkembangan teknologi ukur dan geospasial terkini.

3. Selaras dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-540 pada 29 Julai 2023 telah membincangkan berkenaan perkara tersebut dan meluluskan tawaran pemberian subsidi/insentif kepada JTB bagi tahun 2023 yang mana jumlah keseluruhan tuntutan adalah berdasarkan harga sebenar pembelian namun tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM55,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Ribu Sahaja). Pemberian subsidi/insentif ini adalah merangkumi pembelian perkara-perkara berikut sahaja:

- i. Peralatan dan perisian ukur
- ii. Kelengkapan dan peralatan pejabat. *(pengubahsuaian pejabat dan pembelian lain-lain kelengkapan dan peralatan pejabat yang tidak boleh didaftarkan sebagai aset tidak termasuk dalam pemberian subsidi ini).*

4. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, JTB yang berpraktis di bawah nama firma yang sama adalah layak untuk berkongsi jumlah tuntutan subsidi/insentif bagi pembelian satu peralatan/perisian yang mana harganya melebihi jumlah subsidi/insentif yang diberikan LJT.

5. Justeru itu, bersama-sama ini disertakan syarat-syarat bagi permohonan pemberian subsidi/insentif tersebut sepertimana di **Lampiran A** untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan.


6. Dalam hubungan ini, JTB yang menerima subsidi/insentif tidak dibenarkan untuk menjual atau melupuskan aset tersebut dalam tempoh **tiga (3) tahun**. Pihak LJT akan menjalankan kerja-kerja pengauditan dari masa ke semasa ke pejabat JTB bagi memastikan aset-aset berkenaan berada dalam simpanan dan kawalan JTB. Sekiranya didapati aset-aset berkenaan tidak berada dalam simpanan dan kawalan JTB maka perkara ini akan di bawa kepada Lembaga untuk tindakan tatatertib.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SRI SMAIL BIN HARUN)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

Syarat-syarat permohonan :

1. Tawaran ini **hanya terbuka** kepada JTB yang aktif menjalankan praktis sebagai Juruukur Tanah Berlesen sepanjang tahun 2023.
2. Permohonan perlu disertakan dengan **RESIT PEMBELIAN** daripada pembekal.
3. **Hanya pembelian yang dibuat** bermula daripada **tarikh surat tawaran** ini dikeluarkan hingga 31 Oktober 2023 sahaja akan dipertimbangkan untuk penerimaan subsidi/insentif ini.
4. Permohonan **hendaklah** dibuat dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A1** dan **mestilah** diterima oleh **LJT pada atau sebelum 31 Oktober 2023. Sebarang permohonan yang diterima oleh LJT selepas tarikh tersebut TIDAK AKAN DILAYAN.**
5. JTB tiada sebarang tunggakan hutang dengan LJT.
6. JTB tidak dikenakan tindakan tatatertib oleh Lembaga dalam tahun 2023.

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIABORANG PERMOHONAN
PEMBERIAN SUBSIDI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA
KEPADA JURUUKUR TANAH BERLESEN BAGI TAHUN 20231. Butiran JTB

1.1 Nama :

1.2 Nama Firma :

1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian :*(sila sertakan **RESIT ASAL PEMBELIAN** sebagai bukti)*

Bil	Perkara	No. Siri (Jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)

Bil	Perkara	No. Siri (Jika berkenaan)	Kuantiti	Harga (RM)	Jumlah (RM)
Ringgit Malaysia :				JUMLAH TUNTUTAN :	

3. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :